

23 SEP 1996

Anwar-Umno

SIASATAN MASIH BERJALAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata siasatan terhadap kes-kes politik wang, salah guna kuasa dan melanggar larangan berkempen masih dijalankan walaupun senarai calon yang layak bertanding bagi pelbagai jawatan dalam Umno bulan depan sudah diumumkan.

"Sementara nama-nama itu disahkan ia bukan bermakna muktamad kerana kalau didapati melakukan kesalahan, pencalonan mereka akan dibatalkan sebelum pemilihan," kata Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, selepas melancarkan Yayasan Guru Malaysia Berhad (YGMB) di Stadium Negara, di sini hari ini.

Setiausaha Agung Umno, Datuk Mohamed Rahmat hari ini mengumumkan senarai 185 calon yang layak bertanding pelbagai jawatan parti semasa Perhimpunan Agung Umno dari 10 hingga 12 Okt.

Katanya, kesemua mereka didapati bersih daripada segala tuduhan dan aduan berkaitan rasuah politik, salah guna kedudukan dan berkempen kerana tidak ada bukti kukuh.

Anwar, yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno, berkata jawatankuasa itu akan terus meneliti laporan-laporan yang diterima bagi memastikan setiap calon yang bertanding benar-benar bersih.

Ketika ditanya sama ada jawatankuasa itu mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti setiap laporan, beliau berkata: "Ada masa. Hari Rabu ini kita mesyuarat lagi".

Katanya, beberapa kegiatan "nakal" masih berlaku sekarang walaupun pelbagai arahan dan teguran sudah dibuat oleh beliau dan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sebelum ini.

Sebagai contoh, Anwar berkata, masih terdapat golongan yang menyebarkan senarai calon yang kononnya senarai pilihan Presiden dan Timbalan Presiden.

"Itu kita minta perwakilan ketepikan," katanya.

Mengenai dakwaan sesetengah pihak kononnya jawatankuasa yang beliau pengerusikan itu hanya mengambil tindakan terhadap calon-calon "kecil", beliau berkata, dakwaan itu tidak benar kerana segala tindakan diambil berdasarkan bukti yang kukuh.

"Kalau kita ada bukti, kita tidak kira (besar atau kecil)," katanya. --
BERNAMA

AH NMO